

03 OCT 1999

Najib-Buku

KEMENTERIAN TETAPKAN KELAYAKAN BARU PINJAMAN BUKU TEKS

JOHOR BAHRU, 3 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kementerian itu sedang merumus formula baru bagi menentukan tahap kelayakan ibubapa pelajar untuk mendapat pinjaman buku teks sekolah.

Beliau berkata terdapat banyak rungutan daripada ibubapa berhubung pinjaman buku teks walaupun tahap kelayakan pada masa ini ialah bagi yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan.

"Formula itu masih di peringkat kajian sebelum dibentangkan kepada kabinet," katanya kepada pemberita selepas majlis penerangan "Agenda Melayu Dalam Pendidikan" anjuran Umno Johor di Kompleks Islam di sini, hari ini.

Majlis tertutup itu turut dihadiri Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah.

Najib berkata, sebelum kegawatan ekonomi kementerian menetapkan bahawa murid yang ibubapa mereka berpendapatan di bawah RM1,000 layak untuk mendapatkan pinjaman buku teks.

Bagaimanapun, tahap kelayakan itu didapati terlalu rendah dan kabinet bersetuju menaikkannya kepada RM1,500, katanya.

"Dengan kelayakan RM1,500 itu, didapati sebanyak 93 peratus pelajar di sekolah kebangsaan layak mendapat pinjaman buku teks dan hanya tujuh peratus sahaja yang tidak layak," katanya.

Beliau berkata kementerian bagaimanapun tetap fleksibel dalam urusan pemberian pinjaman kepada murid yang ibubapa mereka berpendapatan lebih RM1,500 serta mereka yang mempunyai ramai anak.

Najib juga ditanya mengenai dakwaan kononnya terdapat tindakan pihak-pihak tertentu yang cuba menghasut murid sekolah rendah supaya membenci pemimpin negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Najib berkata: "Bagi laporan kepada kementerian, guru mana dan apa yang dia kata supaya kita boleh ambil tindakan."

Beliau berkata kementerian tidak dapat mengambil tindakan sekiranya tiada laporan spesifik mengenai dakwaan itu.

Semalam Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor berkata hasutan itu disebarkan di sekolah-sekolah di Terengganu dan beliau tidak menolak kemungkinan bahawa ia turut berlaku di negeri lain.

-- BERNAMA

RAM AKD